# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 40 RABU 6HB OKTOBER, 1982. 1402 رابو 17 ذوالحجة PERCHUMA


## Boktikan taraf dan kebolehan di-bidang memasak

MUARA. — Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bersabda bahawa apa yang lebeh penting di-lakukan oleh kaum ibu di-negeri ini di dalam pameran urusan rumahtangga ia-lah untok memboktikan yang mereka juga sa-taraf dengan kaum ibu di-lain2 negara dalam bidang masak memasak.

Penyertaan kaum ibu, sabda Yang Teramat Mulia, hendak-lah bukan semata2 untok merebut hadiah, tetapi ada-lah untok membolehkan mereka menunjokkan bakat dan kebolehan mereka di-bidang tersebut, yang mana kebolehan sa-umpama itu menjadi salah satu sifat yang harus mereka mileki.

Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bersabda demikian ketika menyempurnakan pembukaan rasmi Pameran Urusan Rumahtangga anjoran Pertubohan Perkumpulan Perempuan (W.I.) Brunei chawangan Muara, yang berlangsong baru2 ini di-Dewan Sekolah SUAS di-sini.

"Saya berharap penyertaan dalam pameran sarupa ini akan memberikan galakan dan tunjok-ajar yang berfaedah kapada pemudi2 dalam urusan2 rumahtangga termasok dalam menyediakan masak2-an," sabda Yang Teramat Mulia itu.

Pameran urusan rumahtangga hari itu ada-lah merupakan salah satu achara Perayaan Puja Usia ke-36 tahun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi kawasan Muara.

Majlis tersebut telah di-dahului dengan uchapan alu2an oleh Pengerusi Pameran, Datin Hajjah Masnah.

Lihat muka 20



YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru2 ini telah berangkat berchemardali menunaikan sembahyang Hari Raya Adha bersama raayat di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri. Turut berangkat sama ia-lah ahli2 keluarga Diraja yang lain.

Hari Raya Adha tahun ini telah jatoh pada hari Rabu 29hb September. Sa-bagaimana lazim-nya ketibaan hari yang mulia itu di-sambut dengan mendahulukan sembahyang Hari Raya Adha di-masjid2, surau2 dan balai2 ibadat di-seluroh negeri.

Dan kemudian-nya di-ikuti dengan upachara penyembelehan binatang korban di-beberapa tempat yang di-anjorkan oleh orang perseorangan dan pendudok2 kampong.

# KE ARAH PENGGUNAAN EJAAN BARU

GADONG. — Perhatian dan penelitian kini sedang di-tumpukan pada menentukan langkah2 yang kemas kearah penggunaan ejaan baru sechara menyeluroh di-negeri ini. Peranchangan dan persiapan yang membolehkan penggunaan ejaan baru itu dapat berjalan dengan lanchar sepadan dengan bahan2 yang boleh di-pakai di-sekolah2 dan sektor masharakat termasok juga pegawai2 kerajaan dan orang2 awam memerlukan perlaksanaan yang sempurna dan terator.

Di-bidang perkembangan Bahasa Melayu pula, kerajaan menyedari betapa perlu-nya Brunei saling bertukar maalumat dan mengadakan hubongan yang erat dengan negeri2 jiran yang juga menggunakan bahasa yang sama. Kearah itu kerajaan mengambil perhatian yang mendalam pada meneruskan hubongan sedemikian dari semasa ka-semasa menurut persesuaian-nya bagi faedah perkembangan Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa rasmi negeri ini.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menekankan demikian sajurus sebelum merasmikan Simposium Bahasa dan Sastera Brunei anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dengan kerjasama Persatuan Asterawani bertempat di-Dewan Jubli Perak, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-sini pada hari Rabu lepas.

"Ada-lah di-jangka bahawa pada satu peringkat yang amat tepat Brunei akan turut memainkan peranan yang penting dalam apa jua langkah dirantau ini yang bertujuan ke-arah memelihara dan mengembang-biakkan lagi Bahasa Melayu," ujar YAB lagi.

Selanjut-nya YAB itu menarek perhatian seluroh raayat dan pendudok negeri ini yang bukan keturunan Melayu supaya sama2 menginsafi hasrat kita untok hidup aman damai tanpa mengira puak keturunan sayugia-lah di-ikat oleh persamaan bahasa yang mesti di-amalkan, ia-itu Bahasa Melayu.

Lihat muka 20

## Di-naikkan taraf kapada Surohanjaya

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah bersetuju menaikkan taraf perwakilan Kerajaan Baginda di-Kuala Lumpur dan Singapura dari Agensi kapada Surohanjaya. Dengan demikian, nama kapada kedua2 perwakilan di-kedua ibu negara tersebut ada-lah sekarang di-kenali sa-bagai Surohanjaya Brunei di-Kuala Lumpur dan Surohanjaya Brunei di-Singapura.

Berikutan dengan itu perwakilan Malaysia dan Singapura di-Bandar Seri Begawan juga di-ubah masing2-nya kapada Surohanjaya Malaysia di-Bandar Seri Begawan dan Surohanjaya Singapura di-Bandar Seri Begawan.

## Manis-nya Iman

"B A R A N G SIAPA yang menyampaikan hajat saudara-nya maka Allah pula akan menyampaikan hajat-nya." — HADITH Nabi riwayat Al-Kharaiti daripada Ibnu Umar radhi-allahu 'an-huma.

## Kepulangan jemaah2 haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumomkan bahawa jemaah2 haji Brunei yang kini sedang berada di-tanah suchi Mekkah akan kembali ka-tanah ayer pada tarikh2 dan masa saperti berikut:

Jemaah2 haji yang mengikuti penerbangan pertama akan tiba di-negeri ini pada 7hb. Oktober depan jam 2.50 petang, sementara mereka yang mengikuti penerbangan kedua akan tiba pada 9hb. Oktober jam 1.10 pagi.

Jemaah2 haji dalam penerbangan ketiga akan tiba di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini pada 10hb. Oktober jam 7.30 pagi manakala penerbangan keempat pula pada 11hb Oktober jam 2.05 petang sementara jemaah2 haji dalam penerbangan kelima akan tiba pada 8hb Oktober jam 11.45 malam.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

6HB. OKTOBER, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

Pemimpin2 belia:

## MENDISIPLINKAN DAN MENCHORAKKAN BELIA

PERANAN belia dalam membangun negara telah di-sebut lagi baru2 ini. Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sa-waktu bertitah menyebutkan peranan itu telah pula merekodkan bahawa di-samping negeri ini bertuah dapat menekmati kemakmoran negara dari hasil minyak dan gas ia-nya juga mempunyai gulongan belia yang ta'at setia kapada raja dan negara.

Sa-tentu-nya pengiktirafkan sa-demikian itu di-dengar dan di-sambut dengan perasaan bertanggong-jawab oleh pemimpin2 belia dan aktivis2 pergerakan-nya yang bergabong dalam Majlis Belia2 negeri ini. Ada-lah di-jangkakan sambutan mereka terhadap pengiktirafan itu di-susuli dengan meneliti perkara2 yang di-sebutkan dalam titah tersebut terutama mengenai tanggong-jawab "mempastikan para belia ber-disiplin, bertanggong-jawab dan bersifat keBruneian", di-samping harapan supaya mereka akan terus giat di-dalam kegiatan2 kebajikan dan sukarela berlandaskan semangat sa-mata2 kerana Allah.

Memang-lah tugas mendisiplinkan belia dan menchorakkan-nya dengan sifat keBruneian itu suatu yang berat dan besar. Dalam pada itu, saperti yang di-titahkan, tugas sa-demikian dapat di-ungkayahkan menerusi masharakat dan pertubohan2 belia dan kebajikan yang bergabong dalam MBB. Mungkin dapat di-fahamkan daripada titah itu bahawa tugas yang sa-besar dan sa-berat itu perlu di-laksanakan sa-chara peranchangan yang menyeluroh dalam pergerakan belia dan masharakat negeri ini.

Tidak keterlaluan jika di-sebutkan bahawa dalam hampir dua dekat terakhir semenjak awal tahun 60an kegiatan belia dan kebajikan telah bertapak sa-bagai pergerakan di-peringkat akar-umbi. Tentu-nya hal itu merupakan kedudokan yang sesuai bagi menyalurkan sa-suatu progrem sosial saperti mendisiplinkan belia dan menchorakkan-nya dengan sifat keBruneian itu.

Bagaimana pun mungkin ada orang yang sudah mula terfikir akan struktur pertubohan2 belia dan kebajikan yang ada pada masa ini — terutama jika di-kaitkan dengan tugas yang sa-berat dan sa-besar itu yang sa-tentu-nya berkehendakkan satu susunan organisasi yang lebeh memungkinkan keberkesanan pergerakan dan pimpinan. Kita perchaya pimpinan MBB sendiri ada-lah sedia dengan pemikiran yang lebeh jelas dan konkerit mengenai-nya.

Dan sa-tentu-nya pemikiran2 mengenai keberkesanan pergerakan dan pimpinan itu sa-mata2 kerana melihat ada-nya keperluan untok belia2 negeri ini dari semua lapisan akan berperanan lebeh jelas dan mendapat faedah2 bimbingan menerusi pertubohan-nya.

# SIMPOSIUM BAHASA DAN SASTERA



YAB. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

**BERIKUT ia-lah uchapan YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika membuka rasmi Simposium Bahasa dan Sastera anjoran DBP pada 29hb. September yang baru lalu di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.**

Segala puji bagi Allah yang telah memberikan ketinggian kapada para sasterawan yang beriman dan mengerjakan kebaikan serta mengingati Allah banyak-banyak, selawat serta salam ka-atas Nabi Muhammad s.a.w. yang telah membawa ajaran Al-Kor'an yang bernilai tinggi dan penoh kehalusan.

Terlebeh dahulu saya sukachita menyampaikan rasa terima kaseh kapada pehak penganjor simposium bahasa dan sastera ini kerana menjemput saya hadhir dan sa-terus-nya menyempurnakan pembukaan rasmi-nya. Di-samping itu saya tidak lupa menguchapkan tahniah dan shabas kapada semua pehak yang bertungkus-lumus pada menjayakan simposium yang besar erti-nya bagi perkembangan bahasa dan sastera di-negeri ini.

Kejayaan pehak penganjor khas-nya pegawai2 di-pejabat Dewan Bahasa Dan Pustaka mengadakan perhubongan yang rapat dengan pakar2 bahasa dan sastera di-luar negeri saperti di-Malaysia, memang-lah sa-layak-nya mendapat perhatian yang baik. Kehadhiran dua orang pakar bahasa dari negeri jiran itu ka-Brunei bagi maksud menambahkan lagi kualiti simposium ini sa-tentu-nya akan menimbulkan kesan2 yang positif, saya turut menguchapkan selamat datang kapada mereka yang berkenaan itu ia-itu Datuk Haji Hassan bin Ahmad, Ketua Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka Malaysia serta prof. Datok Ismail bin Hussein, dari Universiti Malaysia, sa-terus-nya kita sama2 berharap kehadhiran mereka itu di-negeri Brunei Darussalam ini akan merupakan petanda baik dalam usaha kita semua untok mempertahankan dan meluaskan lagi perkembangan bahasa dan sastera Melayu di-rantau ini.

### MENENTUKAN LANGKAH2

Dalam menghargakan kejayaan simposium hari ini, saya mengambil peluang pada menekankan bahawa pada peringkat sekarang perhatian dan penelitian yang amat terperinchi sedang di-tumpukan pada menentukan langkah2 yang kemas ka-arah penggunaan ejaan baru di-negeri ini sa-chara menyeluroh, dan kerajaan ada-lah sedar, apa yang lebeh utama bagi menjamin perlaksanaan yang sempurna dan terator, ia-lah peranchangan dan persiapan yang membolehkan pengunaan ejaan baru itu dapat berjalan dengan lanchar sepadan dengan bahan2 yang boleh di-pakai di-sekolah2 dan lain2 sektor masharakat, di-samping ada-nya penerangan2 dan bim bingan kapada semua orang yang terlibat dan pengunaan bahasa Melayu sa-bagai alat perhubongan termasok-lah pemakaian-nya di-kalangan pegawai2 dan kakitangan kerajaan dan juga orang awam.

### BERTUKAR MAKLUMAT

Di-bidang perkembangan bahasa Melayu di-negeri ini pula, kerajaan ada-lah sedar betapa perlu-nya Brunei saling bertukar maklumat dan mengadakan hubongan yang erat dengan negeri2 jiran yang juga menggunakan bahasa yang sama, bagi maksud ini, kerajaan ada-lah mengambil perhatian yang sangat mendalam pada meneruskan hubongan sa-demikian itu dari semasa ka-semasa menurut persesuaian semata-mata pada mengambil faedah bagi mempastikan perkembangan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negeri ini. Ada-lah di-jangka bahawa pada satu peringkat yang amat tepat Brunei akan turut memainkan peranan yang penting dalam apa jua langkah di-rantau ini yang bertujuan ka-arah memelihara dan mengembangkan-biakkan lagi kedaulatan bahasa Melayu.

### KEDAULATAN

Beruchap mengenai kedaulatan bahasa Melayu ini, saya sukachita merujok kapada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam majlis keshukoran sempena puja usia Baginda di-adakan oleh Dewan Perniagaan Tiong Hwa baru2 ini di-Lapau, dalam mana Baginda telah menekankan bahawa amalan mempelajari bahasa Melayu itu bukan saja setakat untok mendapatkan taraf keraayatan, malah menerima dan mengakui bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara yang perlu di-gunakan sa-tiap masa. Dalam majlis tersebut baginda juga telah menekankan bahawa penggunaan bahasa Melayu itu merupakan antara asas2 ka-arah pembentokan identiti keBruneian, dan sa-terus-nya menurut titah baginda menggunakan-nya sa-tiap masa sa-bagai bokti taat setia kapada negeri ini.

### MENJUNJONG TITAH

Dalam kesempatan ini saya sukachita menarek perhatian seluroh raayat dan pendudok negeri ini yang bukan keturunan Melayu supaya menjunjong tinggi titah baginda itu sa-mata-mata pada mengingat bahawa azam kita bersama ia-lah untok mengisi dan mempertahankan kemerdekaan Brunei yang sama2 kita tunggu ka-arah kesejahteraan dan kemakmoran yang akan di-nekmati oleh semua kita yang mengaku taat setia kapad negeri ini sa-chara penoh harmoni dan aman damai, dengan itu kita hendak-lah sama2 menginsafi bahawa hasrat kita untok hidup dalam aman damai tanpa mengira puak keturunan, sayugia-lah di-ikat oleh persamaan bahasa yang mesti di-amalkan, ia-itu bahasa Melayu.

### PEMBENTOKAN MASHARAKAT

Kita juga hendak-lah mengingat kapada jangka panjang bahawa pembentokan masharakat Brunei yang kuat dan padu sa-mesti-nya-lah di-tentukan oleh chiri2 kehidupan orang Brunei, maka selain daripada pengunaan bahasa Melayu, chiri2 kehidupan orang Brunei itu termasok-lah adat resam, ka-arah ini saya sekali lagi sukachita merujok kapada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam majlis yang sama, dalam mana Baginda menegaskan bahawa adat resam orang2 Brunei harus juga di-ambil perhatian berat oleh semua pehak untok di-amal dan di-pelihara sa-bagai suatu chara hidup dan warithan orang2 Brunei tanpa mengira keturunan.

Menurut hemat, saya, sa-sunggoh-nya bukan-lah suatu perkara yang mustahil untok melihat pembentokan masharakat Brunei yang bersatu padu tanpa mengira asal usul dan keturunan itu, asalkan semua pehak menyedari dan menginsafi bahawa tiada jalan lain melainkan mengakui dan membiasakan diri serta mengamalkan dan memlihara bahasa Melayu serta adat resam orang2 Brunei Jika hal ini dapat di-beri keutamaan dari sekarang, maka faktor2 perpaduan yang lain yang lebeh sophisticated dan saintifik akan dapat di-langsongkan tanpa menghadapi banyak rintangan.

### MENYEMAI KECHINTAAN

Dengan yang demikian saya berseru kapada semua puak dan pehak yang di-maksudkan sa-harus-nya-lah melipat-gandakan usaha pada menyemai kechintaan terhadap bahasa Melayu dan adat resam orang2 Brunei itu termasok-lah kapada gulongan muda dan anak2 mereka sa-bagai asset dan asas terkuat pada menuju sa-buah masharakat Brunei yang kukoh dan bersatu padu dalam menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada raja dan negeri ini bagi kebaikan hidup bersama yang penoh persefahaman dan bersatu azam.

### MEMUPOK KEUPAYAAN

Mengenai kebaikan hidup itu pula saya tertarek hati kapada peranan yang boleh di-mainkan oleh bidang sastera dan sasterawan. Pada pandangan saya, sastera dan sasterawan di-negeri ini khas-nya harus-lah sama2 memupok keupayaan pada memperchepat proses pembentokan masharakat

Lihat muka 4

# AIDIL-ADHA DAN RAHSIA-NYA

Oleh:
Pg. Hj. Mohammad bin Pg. Hj. Abd. Rahman,
Bahagian Dakwah dan Tabligh,
Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.



DI-DALAM masjid ini-lah terletak-nya Maqam Rasulullah

### Menuju Kemampuan Allah

Sa-bulan yang lalu kita telah sebok menyempurnakan keberangkatan bakal2 haji kita ka-tanah suchi Mekah bagi melaksanakan rukun Islam yang kelima. Keberangkatan mereka di-iringi dengan doa restu sanak saudara.

Sa-minggu yang lalu masharakat Islam di-negeri ini dan di-seluroh dunia Islam berduyun2 pula membanjiri masjid2, surau2 dan balai2 ibadat untok menyempurnakan sembahang Hari Raya Adil Adha, di-samping menyatakan rasa shukur ka-hadhrat Allah kerana saudara sa-sama Islam yang berada di-Mekah telah berjaya sampai menjalani satu hari yang maha penting dalam kerja2 haji ia-itu wukuf di-Arafah.

Dan maseh dalam rangkaian ini, hanya tinggal beberapa jam sahaja lagi Lapang Terbang Antarabangsa Brunei akan sebok bagi menyambut kedatangan dhuyufurrahman (jemaah haji) dari Baitillahil Haram itu. Tidak penting oleh2 yang mereka bawa tetapi apa yang penting ia-lah keselamatan sa-telah berjihad di-jalan Allah ia-itu jihad yang tidak menggunakan senjata — haji dan umrah.

Dalam pada itu kita juga berdoa moga2 pula kita akan dapat mengikuti jejak langkah mereka itu untok kali pertama-nya, kali kedua-nya, kali ketiga dan sa-terus-nya,...... ibadat ini akan menjadi azam dan chita sa-lagi ada hayat, badan sehat dan ada kemampuan. Sa-bagai sa-orang muslim sejati tidak ada yang lebeh membahagiakan sa-lain mendapat keampunan Allah dan menziarahi Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) kerana di-dalam sa-buah hadith ada menyebutkan yang maksud-nya kira2: "Bahawa barang siapa yang menziarahi Rasulullah sa-lepas wafat-nya sa-olah2 menziarahi baginda itu sa-masa hidup-nya."

### Shorga

Bagi orang yang membuat Umrah dan Haji, Allah berjanji sa-bagaimana yang di-bayangkan dalam hadith2 Rasulullah yang kira2 erti-nya: "Dari Abi Hurairah, Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) bersabda: "Bahawa orang yang mengerjakan umrah sa-hingga ia mengerjakan lagi satu umrah yang lain akan mendapat keampunan Allah jika ada dosa2 yang di-lakukan-nya di-antara jarak masa kedua-nya, dan bagi orang yang mendapat haji yang mabror tidak ada lain balasan-nya melain-kan shorga." Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Bokhari dan Muslim.

Dalam sa-buah hadith yang lain pula Rasulullah bersabda lagi yang maksud-nya: "Sa-siapa yang menunaikan fardhu Haji dan tidak dia melakukan perkara yang di-larang lagi berdosa sa-masa sedang melaksanakan ibadat itu maka dia akan kembali saperti baharu di-lahirkan oleh ibu-nya." Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Ahmad.

### Pengorbanan

Hari Raya Haji ini juga di-panggil Hari Raya Korban. Ini memperingatkan kita kapada peristewa yang berlaku ka-atas Nabi Allah Ibrahim dan anak-nya Nabi Ismail (Alaihimas-Salam). Allah telah memerentahkan Nabi Allah Ibrahim supaya menyembeleh anak-nya yang di-kasehi-nya Nabi Allah Ismail sa-bagai ujian akan ketaatan kedua2 hamba-Nya ini. Walau pun berat, tetapi ujian akan ketaatan kedua2-nya berazam untok melaksanakan perentah Allah ini. Shaitan mengambil kesempatan untok menggagalkan-nya. Shaitan pernah berjaya menghasut bapa dan ibu segala manusia ia-itu Nabi Allah Adam (Alaihis-Salam) dan isteri-nya Hawa untok mengengkari perentah Allah sa-hingga sa-pasang makhlok ini di-keluarkan dari shorga lalu di-turunkan ka-dunia. Jadi pada kali ini, shaitan berusaha lagi untok memboktikan kegigihan dan kepintaran-nya.

Menurut suatu riwayat, langkah yang mula2 di-ambil oleh shaitan ia-lah mendekati kaum yang lemah ia-itu Siti Hajar, isteri Nabi Allah Ibrahim dengan mengatakan bahawa perentah menyembeleh putera-nya itu bukan-lah datang dari Allah tetapi dri bisekan iblis. Oleh yang demikian Siti Hajar perlu bertindak segera sebelum nasi jadi bubor, tetapi Siti Hajar menjawab tegas: "Bahawa tidak ada jalan lain bagi suami saya melainkan melaksanakan perentah tersebut yang datang-nya dari Allah."

### Iblis Hampa

Shaitan tidak berputus asa lalu pergi pula menghasut Nabi Allah Ismail dengan mengatakan bahawa perentah penyembelehan itu ada-lah semata2 kerana kemahuan jahat ayah-nya Nabi Allah Ibrahim. "Saya yakin dan tidak ragu sedikit pun bahawa perentah itu datang-nya dari Allah," jawab Nabi Ismail. Sekali lagi iblis merasa hampa. Akhir-nya sa-bagai usaha-nya yang terakhir, ia pergi menemui Nabi Allah Ibrahim sendiri dengan mengatakan bahawa perentah penyembelehan itu semata2 "Permainan mimpi" di-dalam tidor. Nabi Allah Ibrahim yang mengenali siapa sa-benar-nya yang sedang berhadapan dengan-nya itu lantas menjawab dengan marah:

"Pergi engkau dari sini hai musoh Allah. Demi Allah! saya tidak akan berundor barang sa-tapak pun dari melaksanakan perentah Allah ini. Saya tidak akan tundok kapada tipu helah makhlok yang di-laknat oleh Allah." Shaitan akhir-nya tewas.

Di-riwayatkan juga sambil menolak hasutan shaitan atau iblis itu, Siti Hajar, Nabi Ismail dan Nabi Ibrahim melemparkan batu2 ka-arah shaitan itu sa-banyak tujoh kali. Dai sini-lah di-shariatkan kapada jemaah haji yang berada di-Mina melontar Jamrah As-Sughra, Jamrah Al-Wustha, Jamrah Al-Kobra (atau di-panggil juga shaitan kechil, shaitan pertengahan dan shaitan besar). Ibadat melontar termasok di-dalam perkara wajib haji (bukan rukun).

### Melontar

Mengapa di-shariatkan melontar? Hanya Allah yang tahu. Tetapi sa-chara akal kita dapat memikirkan ibadat melontar itu sa-bagai satu isharat atau tanda umat Islam tetap memerangi iblis sa-hingga hari kiamat.

Kembali kapada perentah penyembelehan, ternyata bahawa kedua2 makhlok Allah ini benar2 taat dan benar2 ikhlas dalam menjalankan perentah Allah. Akhir-nya penyembelehan tetap di-teruskan. Tetapi yang di-sembeleh bukan-lah Nabi Ismail melainkan telah di-gantikan oleh Allah dengan sa-ekor kambing (kibash) ia-itu sa-bagai rahmat dan balasan Allah yang dapat di-lihat di-dunia ini sedang korban dan pengorbanan mereka yang ikhlas tetap di-terima oleh Allah.

Dari sini berkorban dengan menyembeleh kambing, kerbau, sapi dan binatang yang halal di-makan sa-umpama-nya di-shariatkan di-dalam Islam serta sangat di-galakkan. Hikmat yang dapat di-ambil dari amal kebajikan saperti ini ia-lah mengharapkan keredhaan Allah dan mengikis perasaan bakhil dari jiwa umat Islam, mengeratkan Silatur-Rahim sa-sama umat Islam dan merapatkan jurang perbezaan di-antara orang yang berada dan tidak berada kerana bila daging korban itu di-berikan kapada fakir miskin tentu-lah mereka akan berasa senang dan gembira, sa-lain itu juga mengujudkan kemakmoran di-dalam masharakat Islam. Lebeh dari itu ganjaran Allah bagi orang yang berkorban di-akhirat tentu-lah lebeh besar lagi.

### Sambutan

Di-setengah2 negeri Islam Hari Raya Haji ini lebeh di-utamakan dan di-besarkan dari Hari Raya Puasa. Sa-benar-nya itu-lah ajaran Islam. Tetapi keadaan dalam masharakat kita ada-lah sa-balek-nya kerana sudah menjadi kebiasaan dan kelaziman sa-hingga sambutan kapada Hari Raya Haji ini agak dingin. Apa yang di-harapkan ia-lah agar anggapan dan sikap ini akan berubah di-masa hadapan di-mana sambutan kapada kedua2 Hari Raya kebesaran umat Islam ini sama2 di-ambil perhatian dan di-meriahkan oleh masharakat Islam sendiri termasok di-tanah ayer kita.



Wukuf di-Padang Arafah

# TAUBAT WAJIB KA-ATAS TIAP2 ORANG YANG MENGERJAKAN DOSA

**BERIKUT ia-lah perutusan menyambut Hari Raya Aidil Adha tahun Hijrah 1402 bersamaan 1982 Masehi dari YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj. Mohd. Zain bin Hj. Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei yang telah di-siarkan menerusi Radio Talivishen Brunei.**

ALHAMDULILLAH, shukor kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kapada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat2 serta pengikut2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Pada masa ini sebahagian umat Islam dari seluroh dunia termasok-lah saudara mara kita dari Negeri Brunei sedang berada di-tanah suchi kerana menyempurnakan ibadat haji. Alang-kah berbahagia-nya mereka itu kerana berkesempatan untok menjadi tetamu Baitullah (Ka'abah), dan alang-kah berbahagia-nya mereka itu kerana berpeluang wukuf di-Arafah dan mengerjakan segala perkara2 yang berhubong dengan ibadat haji, yang mana ibadat haji yang mereka kerjakan itu ada-lah suatu tanda takwa kapada Allah, dan di-dalam-nya mereka berdoa agar ibadat mereka itu diterima oleh Allah, dan menjadi-lah mereka sabagai manusia baru yang di-ampunkan oleh Allah akan dosa2 mereka.

Bersempena dengan Hari Raya Haji, yang disebut juga sa-bagai Hari Raya Korban, maka kita perlu memikirkan untok membuat pengorbanan2 di-dalam hidup ini dimana2 dan pada ketika2 yang di-perlukan.

Sebagaimana yang kita ketahui, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala yang menchiptakan kita manusia ini ada-lah mengetahui akan diri kita, kita manusia ini tidak terlepas dari terkena penyakit berbuat dosa. Tetapi Allah Subhanahu Wata'ala itu maha pengaseh dan maha penyayang kapada hamba2-Nya, maka Allah Subhanahu Wata'ala ada menyediakan jalan bagi hamba2-Nya itu untok mendapatkan rahmat Allah, dan menunjokkan chara2 untok menchapai keredhaan Allah.

Bagi orang2 yang ingin untok mendapatkan rahmat Allah, dan pada menchapai keredhaan Allah itu, Allah Subhanahu Wata'ala menyediakan suatu chara bagi mengubat penyakit dosa itu, ubat itu dinamakan taubat dan istighfar, dan Allah Subhanahu Wata'ala menyediakan suatu chara bagi menyelesaikan tanggong-jawab yang dipikulkan keatas kita, yang tidak dapat kita tunaikan pada waktu-nya ia-lah dengan chara mengkadha atau membayar ganti.

Kerana itu ulama2 telah berfikir dan berijtihad dengan sunggoh2 mengenai dengan masaalah kadha atau bayar ganti kapada fardhu sembahyang, kadha fardhu



YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

puasa, kadha fardhu haji apabila sa-seorang Islam itu senghaja melambat2kan pada menunaikan perkara2 tersebut dalam waktu-nya yang telah ditetapkan. Orang yang senghaja melambat2kan perkara2 fardhu yang mempunyai waktu itu saperti sembahyang, ada-lah bersalah dan ia berdosa dengan sebab ia melambatkan pada menunaikan ibadat yang berkenaan itu pada waktu-nya yang telah di-tetapkan dan di-khaskan supaya ia di-tunaikan dalam waktu tersebut.

Oleh kerana ibadat tersebut tidak di-tunaikan dalam waktu-nya yang telah di-tentukan, maka ibadat itu menjadi suatu hutang, dan hutang itu ada-lah suatu bebanan yang di-tanggong oleh orang yang berhutang, sedangkan hutang mesti-lah di-bayar dan di-tunaikan, kechuali-lah kalau hutang itu di-maafkan dan di-gugorkan oleh yang ampunya hutang itu.

Taubat itu wajib keatas tiap2 orang yang mengerjakan dosa, dan perkara yang selalu mendorong supaya sa-seorang itu bertaubat termasok-lah saperti berikut: —

1. Ia telah insaf bahawasa-nya maksiat dan dosa itu akan mendatangkan kechelakaan dan kebinasaan.
2. Ia telah insaf bahawasa-nya azab Allah itu sangat-lah berat dan sangat-lah pedeh, dan ia tidak tertanggong akan azab itu.
3. Ia telah insaf bahawa ia ada-lah manusia yang sangat lemah, dan tidak mempunyai sebarang kekuatan atau kuasa untok menolak azab Allah itu.

Taubat itu, setakat yang berhubong dengan dosa kerana meninggalkan perkara2 wajib saperti meninggalkan sembahyang fardhu lima waktu dengan senghaja, mempunyai sharat2-nya ia-itu saperti berikut: —

1. Hendak-lah ia meninggalkan perbuatan maksiat dan perbuatan dosa itu, saperti hendak-lah ia meninggalkan tabi'at pada menchuai2kan sembahyang dan melambat2kan-nya sahingga luput sembahyang itu dari waktu-nya.
2. Hendak-lah ia menyesali diri-nya kerana telah melakukan perbuatan2 maksiat dan perbuatan2 dosa itu.
3. Hendak-lah ia berazam dengan bersunggoh2 bahawa ia tidak akan mengulangi lagi pada melakukan perbuatan maksiat dan perbuatan dosa itu untok selama2-nya.

Orang yang bertaubat itu ada-lah di-kasehi Allah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat Suratul Baqarah ayat 122 yang bermaksud: —

*"Bahawasa-nya Allah kaseh akan orang yang bertaubat dan Allah kaseh akan orang yang mensuchikan diri-nya daripada dosa."*

Dan Nabi kita ada bersabda yang bermaksud: —

*"Orang yang bertaubat ia-lah kekaseh Allah, orang yang bertaubat daripada dosa, dan taubat-nya diterima oleh Allah ia-lah saperti orang yang tidak ada berdosa."*

Maka sempena dengan Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban ini, ada-lah baik bagi kita untok berusaha dengan sunggoh2 pada mendekatkan diri kita kapada Allah dengan sa-ikhlas2-nya, dan melakukan taubat yang sebenar2-nya bagi mendapatkan rahmat Allah, dan bagi menchapai keredhaan-Nya jua, dan korbankan sebahagian dari masa kita untok menunaikan dengan segera kadha kapada ibadat fardhu yang telah luput masa-nya, bagi orang2 yang maseh ada kadha yang belum di-sempurnakan, dan jika ia di-kerjakan dengan bersunggoh2 dan "di-benar-benari", maka segala kadha itu akan dapat di-selesaikan dalam waktu yang tidak lama, hasil-nya kita pun berasa lega dan selesa.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengampunkan kesalahan2 kita, dan kechuaian2 kita, serta segala dosa2 kita, kerana kita ingin benar2 kembali kapada Allah, melalui taubat yang telah di-sediakan. Allah itu maha pemurah dan maha pengampun kapada hamba2-Nya yang telah kembali pada mendekatkan diri kapada-Nya dan telah bertaubat dengan sebenar2-nya.



Sa-ekor kerbau kepunyaan Awang Musa bin Hj. Tahir (bersongkok hitam) sedang di-sembeleh untok di-jadikan korban.

# Simposium Bahasa dan Sastera

**Dari muka 2**

yang kita chita2kan, kerana itu saya lebeh chenderong supaya kesusasteraan, di-samping mempunyai nilai seni, hendak-lah juga mempunyai nilai kebaikan atau susila dan juga nilai pengetahuan, sastera yang akan berjaya memikul tanggong-jawab itu sa-mesti-nya-lah sastera dewasa, ia-itu yang menggabungkan fikiran yang teliti dengan perasaan yang matang, dan bukan-lah sastera yang semata-mata berasaskan perasaan yang tidak terkawal atau sastera yang hanya melukiskan sa-suatu tanpa nilai ajaran dan petunjok.

## MEDAN SASTERA

Pembentokan masharakat ada-lah menggunakan masa; oleh itu para sasterawan ada-lah di-seru supaya mempergunakan medan sastera itu pada menunjokkan chiri2 kehidupan yang baik, sebab sasterawan yang berjaya pada hemat saya ia-lah sasterawan yang mampu membuat sa-tiap anggota masharakat kenal akan diri-nya dan pembentokan masharakat Brunei yang kita hajatkan sepanjang yang berhubong dengan pengertian 'kenal diri' termasok-lah mengakui kebaikan chiri2 kehidupan orang Brunei yang antara lain berpegang kapada adat yang bersendi shara' dan menjunjong kedaulatan bahasa Melayu.

Oleh kerana kita chuba menggunakan sastera sa-bagai salah satu unsor membentok masharakat berbilang kaum, maka nilai seni, nilai kebaikan atau susila dan nilai pengetahuan itu sa-mesti-nya-lah di-ketengahkan oleh para sasterawan dengan pengertian yang sa-benar dan acceptable.

## SENI DATOK NENEK

Sastera dan apa jua bidang seni rasa-nya tidak-lah semesti-nya perlu mempertahankan peninggalan seni datok nenek kita yang berlawanan dengan kebenaran dan kebaikan menurut shara', dan andai-nya terdapat pula pengaroh asing dalam sastera itu yang di-rasa tidak menolong kechepatan proses pembentokan masharakat ada-lah pada tempat-nya bagi para sasterawan membuat koreksi sesuai dengan fungsi sasterawan sa-bagai agent membuat masharakat kenal akan diri-nya, sastera masharakat membangun yang terdiri dari berbagai puak keturunan ia-lah sastera yang mampu mempertahankan reputasi-nya dan boleh di-terima oleh semua kaum kerana nilai kebaikan dan susila-nya, nilai seni dan nilai pengetahuan-nya yang dapat bertahan dan mendorong untok di-pertahankan oleh semua puak kerana persesuaian-nya dengan ilmiah zaman dan pertumbohan ilmu pengetahuan moden. Dalam memupok sastera Melayu sa-bagai salah satu unsor penggerak pembentokan masharakat saperti dalam konsep yang di-gambarkan tadi, maka apa yang juga tidak kurang penting-nya ia-lah keghairahan sa-rupa itu hendak-lah akan mengorbankan identiti Melayu itu sendiri yang sa-harus-nya abadi sa-bagai teras dan pasak.

**Bingkisan minggu ini**

# Hidup Ibarat Melayarkan Sa-buah bahtera

SA-TELAH kita tahu mengenal dan pandai membezakan antara yang burok dan yang baik, maka di-sa'at ini kita akan perlahan2 mempelajari keadaan di-sekeliling kita, ia-itu mempelajari serta mengetahui tentang persoalan hidup sa-hari2. Tapi sunggoh pun demikian, tidak-lah pula bererti bahawa dengan chara sa-kali gus kita akan mengerti tentang dunia kehidupan kita sa-chara keselurohan-nya, akan tetapi kita akan tahu dengan chara sedikit demi sedikit tak ubah-lah saperti kanak2 yang baharu sahaja di-hantar ka-Sekolah TABIKA yang baru mempelajari dan mengenal bentok2 huruf A, B, C ... hingga Z, bentok2 angka 1 hingga sa-terus-nya dan bermacham2 lagi. Begitu-lah umpama-nya hidup kita yang mempunyai peringkat2 umor yang tertentu dengan keadaan hidup yang tertentu pula.

Jadi, dalam hal ini kita sa-bagai manusia, sa-harus-nya berhati2 dalam menempoh penghidupan sa-hari2 yang kita lalui, ia-itu penghidupan yang tidak kekal di-dunia ini yang mana nanti kita akan kekal di-dalam akhirat saperti Firman Allah dalam Surah Al'ala ayat 17 yang bermaksud:

*"Dan (kehidupan) Akhirat itu ada-lah lebih baik dan lebih kekal."*

Ada pun perjalanan hidup kita tak ubah ibarat belayar di-dalam sa-buah bahtera menuju ka-suatu tempat yang bakal kita tuju. Yang demikian chuba-lah kita bayangkan dan fikirkan sa-panjang perjalanan kita di-dalam bahtera tadi, apa-kah harus kita membawa chukup bekalan? Tentu saja kita perlu membawa sa-chukup-nya. Dari itu, bagi diri kita yang bakal menuju ka-akhirat dengan penoh kesempurnaan, jangan-lah hendak-nya melupakan segala apa yang telah di-wajibkan oleh Allah s.w.t. kapada diri kita di-samping menjauhi segala larangan-Nya.

Ketegohan iman ada-lah satu2 faktor yang amat penting sekali di-dalam penghidupan kita kerana tanpa ada-nya kesempurnaan iman kita, maka bererti hidup kita umpama "kapal yang tak berhaluan." Dari perumpamaan tersebut jelas terbayang oleh kita betapa besar makna-nya, kerana kalau kita bersifat chuai pada menjaga kesempurnaan iman kita, ini sudah barang tentu akan menjejaskan keperchayaan kita kapada Allah s.w.t. Sesunggoh-nya minta di-peliharakan serta minta Allah jauhkan diri kita daripada berkeadaan sa-demikian.

Berbalek kita kapada persoalan tentang bekalan untok kebahagiaan hari akhirat. Memang-lah, sudah tentu sa-tiap kita umat Islam sangat2 menginginkan kebahagiaan hidup tersebut. Jadi, sa-belum kita dapat menchapai kebahagiaan di-alam akhirat itu, mari-lah kita sama2 renongkan kalimat yang mungkin di-dalam hidup kita sa-hari2, sering atau pernah terdengar di-chuping telinga kita yang di-sebut oleh sa-bilangan manusia saperti berikut:

*"Jangan tanyakan apa-kah negara telah buat ka-atas diri kita? Tanyakan-lah apa-kah diri kita telah buat (sumbangkan) untok negara?"*

Pertanyaan tersebut amat-lah berkesan bersandarkan tanggong-jawab kita untok negara, begitu juga di-sebalek-nya chuba-lah kita analisa dan tanyakan pula kapada diri kita sendiri sa-telah kita di-jadikan oleh Allah s.w.t. dalam rahim ibu, kemudian di-lahirkan dengan kuasa-Nya juga, sa-telah itu sa-hari demi sa-hari, sa-bulan demi sa-bulan, sa-tahun demi sa-tahun sa-hingga-lah kita membesar dengan kematangan akal fikiran yang wajar dan menekmati hidup sa-terus-nya.

Maka sa-telah kita menerima segala korniaan Allah yang amat sempurna ini jangan-lah nanti kita berkata di-dalam hati dan berhajat untok menerima pemberian yang melimpah2 sa-hinggakan menjadikan kita sa-bagai sa-orang yang tidak pernah bershukor. Malahan apa yang patut kita tanyakan pada diri kita sendiri, ia-lah "Apa-kah sumbangan (balasan) yang wajib kita buktikan kapada Allah sa-bagai tanda shukor kita atas nekmat-Nya yang di-berikan-Nya kapada kita?

Justeru itu wajib-lah kita mengambil perhatian yang tegas untok melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Beriman dan bertakwa-lah kita kapada-Nya dengan chara tulus ikhlas. Lakukan-lah amal ibadat saperti sembahyang lima waktu, berpuasa, mengeluarkan zakat, naik haji bagi yang kuasa, berlaku ta'at kapada ibu bapa, dan sa-umpama-nya yang di-wajibkan menurut perintah Allah. Di-samping itu, jangan kita lupa memperbanyakkan amalan2 sunnat saperti bersedekah, berzikir, berselawat, berbuat baik sa-sama hamba Allah ia-itu jangan-lah sa-kali2 kita berlaku dengki khianat, berlagak sombong dan sa-bagai-nya. Dengan ada-nya kita mengikuti segala perintah Allah dan di-pehak yang benar Insha Allah kita akan terselamat daripada mendapat dosa dan ini-lah merupakan satu2-nya bekalan yang akan kita bawa menuju ka-alam akhirat.

# ADA UMAT ISLAM IKUTI KURSUS UGAMA KRISTIAN

KITA umat Islam perlu-lah menyedari bahawa ugama kita sa-benar-nya tiada-lah sunyi daripada di-tentang dan di-musohi oleh penentang2 dan musoh2 Islam pada sa-tiap zaman. Musoh2 Islam itu ada-lah terdiri dari berbagai2 golongan manusia yang tiada sukakan kapada ugama Islam dan penganut2-nya, ada di-antara golongan yang berugama Yahudi, ada yang berugama Nasrani, ada yang menganut lain2 ugama, ada yang menganut sa-suatu fahaman atau ism; ada golongan yang anti Tuhan dan ada pula yang pura2 menamakan diri-nya sa-bagai orang2 Islam tetapi menentang ugama Islam.

Tindakan permusohan mereka itu ada kala-nya sa-chara kekerasan dan kekejaman, ada kala-nya dengan sa-chara halus dan lichin, dan tidak kurang juga dengan chara diayah dan propaganda2 yang bertujuan melemahkan akidah dan keyakinan umat Islam terhadap ugama Islam.

Salah satu chara golongan anti Islam menyusopkan pengaroh2 ugama mereka di-kalangan orang ramai termasok umat Islam ia-lah dengan chara memberikan kursus ugama Keristian chara pos dengan perchuma kapada sa-siapa sahaja yang suka menyertai-nya.

Ada-lah suatu hal yang amat mendukachitakan kita bahawa sudah ada sa-bahagian kechil dari pelajar2 Islam kita di-negeri ini yang sa-chara sedar atau tidak telah melibatkan diri mengikuti kursus ugama Keristian sa-chara pos itu. Penglibatan mereka itu ada-lah amat merbahaya terlebeh2 lagi jikalau mereka tiada mendapat didekan dan pelajaran ugama Islam yang chukop dan sempurna. Kerana dengan mengikuti kursus itu boleh mengakibatkan sa-seorang itu terpengaroh kapada ajaran2 yang terkandong di-dalam mana2 pelajaran yang di-ikuti itu.

## UGAMA KERISTIAN

Dalam hubongan ini kita sukachita membentangkan hukum ugama kita mengenai orang Islam yang mengikuti kursus ugama Keristian sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Sahibus Samahat Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor dalam fatwa-nya. Mufti Johor itu telah di-tanya saperti berikut:

Sa-orang berugama Islam mengambil bahagian pelajaran ugama Keristian dengan jalan pos dalam tiap2 lambaran pelajaran yang di-kirimkan itu ada mengandongi soalan2 mithal-nya: Apa-kah yang perlu supaya manusia dapat menjadi anak Allah? Pelajar2 itu menjawab mengikut apa yang di-pelajari-nya, ada-kah pelajar menjadi murtad atau fasik, pada hal ia hanya ingin mengetahui puncha2 keperchayaan Keristian sahaja, bukan niat menjadi Keristian? Di-pohonkan fatwa-nya.

Mufti itu telah menjawab saperti berikut:

Barangsiapa termasok dalam jemaah menolong penyeru2 Keristian saperti ia berlanggan majallah seruan ugama Keristian neschaya ia di-anggap sa-orang penolong mensiarkan Keristian dan menggalakkan penyeru2-nya meneruskan seruan itu. Keadaan orang yang berlanggan itu antara kafir dan Islam kerana sa-orang penolong mensiarkan kekafiran ada-lah kafir murtad dengan tidak shak, tidak berfaedah ia berkata: Dia hanya hendak tahu hujjah2 dan ajaran2 Keristian kerana mengetahui saperti itu membawa-nya shak dan timbul shubhat dalam hati-nya yang akhir-nya jinak tidak ngeri lagi kapada kekafiran dan boleh perchaya kapada sa-bahagian seruan itu oleh sebab dia tidak tahu hakikat yang sa-benar dan tidak tahu akan hujjah2 yang menolak seruan Keristian itu, dia di-mithalkan saperti orang yang menchampori orang yang sakit yang menjangkit dan merbahaya saperti penyakit lumpoh atau batok kering dan lain-nya, ia berkata: Dia berchampor hanya hendak mengetahui penyakit dan keadaan mereka itu, dia boleh jadi akan terkena jangkit penyakit itu sa-kira-nya ia tidak mempunyai ubat2 penangkis penyakit itu.

## SU'UL KHATIMAH

Kemudian dalam para yang lain Mufti itu berkata: Wajib atas orang2 Islam tidak hadhir dalam majlis2 dan persidangan2 seruan Keristian, jangan membacha buku2 dan majallah2 mereka itu dan menjauhi diri saperti menjauhi-nya daripada api dan penyakit ta'un, jika ia tidak berbuat begitu nanti akan menyesal dan boleh jadi Keristian dengan berterang2 atau munafik, atau shak dan was-was dan boleh jadi mati dalam Su'ul Khatimah dan lebeh hampir kapada mati bukan Islam.

Jika hadhir maut-nya dan maseh dengan shak dan shubhat-nya itu akan datang shaitan kapada-nya membawa shubhat2 Keristian dan di-asut-nya dan berchampor dengan fikiran-nya dengan hal yang

Lihat Muka 6




## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6hb Oktober, 1982 hingga ka-hari Selasa 12hb Oktober, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 7hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 8hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 9hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 10hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 11hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 12hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# TAQWA

## Siri ke-152

HASSAN Al-Basri mengatakan: "Taqwa itu sentiasa mendorong orang2 muttaqin pada meninggalkan banyak perkara yang halal, kerana takut terchebor dalam perkara haram."

Demikian juga pandangan sahabat Abi Darda (Radhiallahu Anhu) katanya: "Bahawa sempurna taqwa sa-seorang itu ia-lah apabila sa-orang hamba Allah itu menjauhkan dirinya walau pun dari hanya membuat sekadar debu shubhat, sa-hingga ia meninggalkan sa-tengah2 dari perkara yang di-pandangnya halal, kerana takutkan terchebor dalam perkara yang haram, supaya dengan yang demikian menjadi perisai dan penghalang di-antara-nya dengan perkara yang haram itu."

11. Dengan bertaqwa sa-seorang itu akan di-kasehi oleh Allah dan mendapat perkhabaran yang menggembirakan di-dunia dan di-akhirat.

Dalam surah At-Taubah, ayat 4 di-sebutkan dalam firman Allah yang tafsir-nya: "Bahawa Allah Ta'ala itu kasehkan orang2 yang takutkan Allah (bertaqwa)."

### TIADA DUKACHITA

Sementara dalam surah Yunos, ayat 62 sa-hingga 64 pula menyatakan firman Allah yang tafsir-nya:

"Ingat-lah bahawa wali2 Allah itu tiada-lah mereka takut terhadap sa-suatu, dan tiada-lah mereka akan merasa dukachita di-akhirat kelak (ia-itu orang yang beriman dan bertaqwa kapada Allah dengan menjunjong titah perentah dan menjauhi larangan-Nya). Bagi mereka, mereka ini akan mendapat perkhabaran yang baik saperti mimpi yang akan di-lihat-nya atau di-lihat oleh orang untok-nya (sa-bagaimana tersebut dalam hadith yang sahih ia-itu sa-masa mereka hidup di-dunia dan di-akhirat pula mereka akan ditempatkan di-shorga) tiada-lah berubah kalimah Allah dan tiada berganjak janji Allah Ta'ala itu, segala yang tersebut itu merupakan suatu keuntongan besar kapada orang2 yang bertaqwa dan yang takutkan Allah Ta'ala jua.

Ini-lah sa-besar2 ne'mat yang di-berikan kapada orang yang bertakwa dan tiada-lah ada ne'mat yang lebeh besar dari itu.

### BELAJAR ILMU UGAMA

Perlu di-ketahui bahawa hakikat taqwa itu tiada dapat di-chapai atau di-laksanakan melainkan dengan mempunyai ilmu ugama dan belajar dari para ulama dan guru2 ugama. Tiada menchukopi atau memadai dengan pengakuan dirinya sa-bagai sa-orang Islam serta melaong2kan selogan, menjerit2 di-majlis2 orang ramai, berarak2 di-jalan2 raya, tetapi hendak-lah dengan mempelajari ilmu ugama itu. Sa-orang yang jahil dan tiada tahu akan ilmu ugama dan hukum2 halal haram itu bagaimana-kah ia hendak takutkan Allah Ta'ala dan hendak menjunjong titah perentah Allah serta hendak menjauhi larangan-Nya.

Dari sini nampak-lah kita akan kelebehan2 orang yang menuntut ilmu ugama, belajar hukum halal haram, hukum2 feqah, ilmu tauhid, atau mendengar masaalah2 dan kesah2 yang mendorong sa-seorang melakukan kebajikan, hidup beribadah, berakhlak mulia dan bersopan santun, di-samping menjauhkan diri dari perkara kejahatan, kedurhakaan, lalai, malas, leka dengan kesedapan dan keseronokan hidup di-dunia.

Juga dari sini nampak-lah kita akan kelebehan pengetahuan ilmu Islam itu dari sa-tengah ibadat atau ilmu dunia, atau dari segala keadaan, kedudokan pangkat dan dari sebarang usaha yang di-buat oleh manusia pada masa ini tanpa menguntongkan bahkan membuang masa dengan sia2 dan kosong dari pahala dan ganjaran Allah Ta'ala.

WALLAHU A'ALAM

(Bersambong)

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# Majlis Cheramah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Cheramah Ugama mengenai Sembahyang Kadha dan Sunnat telah di-adakan bertempat di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei pada hari Selasa 21hb. September, 1982 selepas menunaikan sembahyang fardhu Maghrib.

Cheramah tersebut telah di-sampaikan oleh Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Kira2 1,000 orang telah menghadhiri majlis tersebut.



Sa-bahagian dari para hadhirin yang mengikuti cheramah tersebut — Gambar JHEU.

# Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Hafaz Ayat2 Lazim

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sempena Sambutan Awal Muharram 1403 yang akan datang, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (Bahagian Dakwah dan Tabligh) akan menganjorkan Satu Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Hafaz Ayat2 Lazim Peringkat Negeri bagi Saudara2 Baharu. Peraduan ini akan di-adakan di-Daerah Belait pada bulan Nobember 1982 akan datang. Sa-tiap daerah akan menchalonkan dua orang wakil dalam Peraduan Membacha Al-Kor'an ia-itu sa-orang peserta lelaki dan sa-orang peserta perempuan, sementara dua orang wakil lagi memasoki Pertandingan Menghafaz Ayat2 Lazim.

Borang untok memasoki kedua2 peraduan ini boleh di-dapati dari Penolong Pegawai Perkembangan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama tiap2 daerah dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 7hb Oktober, 1982. Pertandingan hanya terbuka kapada saudara2 baharu sahaja. Manakala Thema Peraduan ia-lah 'BELAJAR DAN BERAMAL'.


# Ketetapan Harga Kereta DAIHATSU

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menetapkan harga2 kereta jenis "DAIHATSU CHARMANT" dari Sharikat GOH HOCK KEE dengan susunan harga saperti berikut mulai dari tarikh 1hb September 1982.

| JENIS KERETA (Type of Cars) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DAIHATSU CHARMANT 1300 (LD) Model: A 35R — EKD (4-Speeds) Radio, Blower, Heater, Seatbelts, etc. | $10,000.00 | $10,720.00 |
| DAIHATSU CHARMANT 1300 (LC) Model: A35R — EKC (4-Speeds) Radio, Blower, Clock, Seatbelts etc. | $10,450.00 | $11,186.00 |
| DAIHATSU CHARMANT 1300 (LE) Model: A35R — EKE (4-Speeds) | $10,750.00 | $11,500.00 |
| DAIHATSU CHARMANT 1600 (LC) Model: A45R — EKC. Radio, Clock, Blower, Seatbelts etc. | $10,950.00 | $11,690.00 |
| DAIHATSU CHARMANT 1600 (LE) Model: 45R — EKE (4-Speeds) Radio, Heater, Clock, Seatbelts etc. | $11,500.00 | $12,250.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Perancang Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan, mana2 ejen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.


# ADA UMAT ISLAM IKUTI KURSUS UGAMA KRISTIAN

Dari Muka 5

demikian roh-nya keluar sedang ia di-dalam kekafiran.

Demikian-lah di-antara lain kandongan fatwa ugama mengenai masaalah yang kita perkatakan dalam khutbah kali ini, yang mana jelas-lah kapada kita bahawa mengikuti kursus pelajaran ugama Keristian baik sa-chara pos atau apa2 jua kegiatan pada membantu menyiarkan ugama kafir itu ada-lah di-larang dan di-haramkan oleh ugama Islam.

Oleh yang demikian, sekalian umat Islam di-negeri ini lebeh2 lagi mana2 pehak yang bertanggong-jawab sa-umpama pehak sekolah2, guru2 dan ibu bapa dari orang2 Islam ada-lah di-seru supaya mengawasi kegiatan pelajar2 dan anak2 mereka dan memastikan mereka tidak mengikuti pelajaran ugama Keristian itu baik dengan apa jua chara sekali pun. Kita ada-lah wajib menjaga, mengawal dan memelihara ugama Islam kita masing2 daripada terkena rosak dan binasa oleh sa-barang anasir jahat yang bertujuan memesongkan iktikad kita terhadap ugama kita.

# Jadual Perpustakaan Bergerak mulai 6hb. — 12hb. Oktober, 1982

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Panglima Beruddin, Limau Manis | 6.10.1982 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 6.10.1982 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 6.10.1982 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 9.10.1982 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 9.10.1982 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 9.10.1982 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 9.10.1982 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 9.10.1982 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 9.10.1982 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 11.10.1982 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai Kampong Perpindahan, Berakas. | 11.10.1982 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas. Subok | 12.10.1982 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 12.10.1982 | Selasa | 10.30–11.30 „ |

# Kejohanan Olahraga BAAA kali ke-2

GADONG. — Ahli2 sokan di-negeri ini telah di-seru supaya meninggalkan tabiat berlateh ketika hendak menyertai satu2 kejohanan sokan kerana sikap ini jika berterusan di-amalkan sampai bila2 pun kejayaan tidak akan di-chapai.

Sa-balek-nya chuba-lah tanamkan tekad dan kemahuan untok meninggikan mutu sokan dan kebolehan persendirian dengan meneruskan latehan walaupun tidak ada kejohanan2 sokan di-adakan.

Kita telah sampai kapada perengkat yang benar2 memerlukan ahli sokan yang mengagongkan chogan 'maju sokan untok negara' yang mana chogan ini bukan saja memerlukan kejayaan perseorangan atau berpasokan tapi juga untok keharuman Negeri Brunei sendiri, dan hendak-nya-lah kejayaan2 itu juga bukan hanya di-chapai di-dalam negeri sahaja.

"Apa yang di-harapkan ahli2 sokan kita akan berjaya dan mendapat tempat serta dapat pula mengebarkan bendera Brunei di-kejohanan2 antarabangsa."

Demikian yang di-tekankan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan Olahraga BAAA kali ke-2, Awang Haji Tuah bin Nordin, dalam uchapan alu2an-nya di-kejohanan yang telah berlangsong salama dua hari ia-itu pada 18hb. dan 19hb. September bertempat di-Stadium Hassanal Bolkiah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi tahun ini.

Dari itu beliau berharap agar ahli2 sokan akan dapat meninggikan taraf kesokanan mereka masing2 kerana menurut-nya penyertaan kita di-kejohanan2 antarabangsa pada masa kini bukan lagi untok menchari pengalaman malah sudah sampai masa-nya kita memerlukan kejayaan.

Menyentoh tentang jurulateh sokan pula, Awang Haji Tuah menyatakan, "Mengenai jurulateh, masa latehan dan kemudahan2 sokan yang lain masa-nya tidak lama lagi akan sampai bagi pehak2 berkenaan akan memikirkan dan membuat tindakan bagi faedah ahli2 sokan bersama dan pada meninggikan mutu sokan di-negeri ini."

Lebeh 300 orang ahli2 sokan lelaki dan perempuan di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam 27 achara yang di-pertandingkan yang termasok achara2 padang dan trek.



Awg. Hj. Tuah Nordin



Gambar dari kiri Awang Abdul Ghani bin Mohammad Ali, Penolong Penguasa Kolam Renang (di-kiri), Awang Abdul Wahab bin Haji Tengah, Pengawas Padang Permainan dan Gelanggang Sokan, dan Pg. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu, Penyelia Pusat2 Kemasharakatan akan berada di-sana selama tiga bulan dan akan mengikuti kursus Pentadbiran dan Pengurusan Sokan (Sport Management and Administration) di-Politeknik Brighton.

# Abdul Alim ikuti kursus Sarjana Muda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pegawai Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei, Awang Abdul Alim bin Awang Haji Othman, telah berlepas ka-United Kingdom hari ini untok mengikuti satu kursus ijazah Sarjana Muda Pelajaran (B. ED. Degree) di-University College Cardiff, England, salama dua tahun. Awang Abdul Alim akan belajar mulai hujong bulan ini atas dermasiswa Kerajaan.

Awang Abdul Alim mulai berkhidmat di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dalam bulan Oktober tahun lepas sabagai Pengajar Kanan, dan mengajar di-Kelas Bimbingan Bagi Kanak2 Chachat Anggota di-Bandar Seri Begawan dan di-Kuala Belait dengan di-bantu oleh pekerja2 sukarela yang terdiri dari suri2 rumah-tangga dan kakitangan Kerajaan.

Sa-lain dari itu, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan meminjamkan (attachment) Awang Abdul Alim kapada Jabatan Pelajaran, Brunei, untok mengajar kanak2 yang lemah dalam mata2 pelajaran yang tertentu di-lima buah pusat ia-itu di-Sekolah Melayu Pulaie, Sekolah Melayu SUAS, Muara; Sekolah Melayu Pusar Ulak, Sekolah Melayu Sengkurong dan Sekolah Melayu Delima Satu di-Daerah Brunei dan Muara.

Terdahulu dari itu tiga orang pegawai dari jabatan yang sama telah berlepas ka-Singapura di-dalam perjalanan mereka ka-United Kingdom untok mengikuti satu kursus di-sana.

# Hoki Sekolah2 Menengah/Maktab

PERLAWANAN akhir hoki bagi sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri kali ke-11 yang di-kendalikan oleh Bahagian Latehan Jasmani telah berlangsong pada hari Khamis, 23hb. September lepas di-Padang Bolkiah Kem, Jalan Berakas.

Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong telah berjaya menjadi juara di-kedua bahagian lelaki dan perempuan.

Dalam bahagian lelaki maktab tersebut telah menjadi johan bersama dengan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong bila kedua2 pasokan seri, manakala dalam bahagian perempuan pula maktab tersebut telah berjaya menewaskan Maktab SOAS.

Yang Dipertua Persatuan Hoki Kebangsaan Brunei, Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani telah menyempurnakan penyampaian hadiah2 kapada pasokan2 yang menang.




# PESTABARU : Nampakkan kesunggohan untok kembangkan sepak-takraw

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejak kebelakangan ini Persatuan Sepak Takraw Negeri Brunei (PESTABARU) benar2 menampakkan kesunggohan-nya untok menchapai matalamat-nya ia-itu pada mengembangkan permainan sepak takraw di-samping meningkatkan mutu permainan sokan itu pada masa akan datang.

Segala usaha dan tenaga yang di-churahkan oleh persatuan ini kini hampir menchapai matalamat-nya dan beberapa buah negeri jiran telah menaroh minat dan memberikan keyakinan bahawa apa yang di-chapai oleh persatuan ini membuahkan hasil yang paling bernilai kapada negeri ini melalui sepak takraw ini.

Negara2 jiran saperti Singapura dan Malaysia telah memberi gambaran, yang sedikit masa lagi Brunei akan merupakan sa-buah negeri yang mampu menchabar kedudokan negara jagoh di-bidang permainan sepak takraw memandangkan performance2 mereka yang semakin meningkat apabila menyertai kejohanan2 yang di-adukan.

Dan dari apa yang di-maklomi kejayaan persatuan ini yang paling bernilai ia-lah di-Kejohanan Sepak Takraw Asia ke-2 baru2 ini, di-mana Brunei berjaya menundokkan Indonesia untok meraih tempat ketiga di-belakang Malaysia dan Singapura, meskipun di-Sokan SEA sa-lepas Indonesia menundokkan Brunei dengan terok sa-kali.

"Meskipun sa-belum pemergian kami ka-kejohanan itu, persatuan ini telah menghadapi beberapa masaalah terutama sa-kali pada mendapatkan gelanggang latehan," jelas Timbalan Setiausaha persatuan itu Pg. Metassan bin Pg. Bakar ketika di-temui oleh Pelita Brunei baru2 ini.

"Tetapi dengan ada-nya semangat dari pemain2 serta restu dari ahli2 persatuan ini dan demi untok memboktikan keutohan kami di-bidang ini segala masaalah itu kami buatkan chabaran, dan alhamdulillah hasil-nya chukop membanggakan," jelas-nya lagi.

"Bagaimanapun PESTABARU amat berbangga kerana mempunyai dua tokoh pemimpin yang benar2 memahami benar2 hasrat persatuan ini, dan dengan semangat dan kesedaran mereka serta pimpinan yang chergas dari Yang Dipertua, YAM Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin dan naib-nya Pg. Alihassan bin Pg. DSLJ Hj. Abbas, maka persatuan ini kini benar2 dapat berjalan dengan lichin."

Pg. Metassan menerangkan yang pada masa ini PESTABARU sedang menyusun beberapa ranchangan yang bertujuan untok meningkatkan lagi kemajuan yang telah di-chapai di-samping untok meningkat dan meluaskan lagi mutu permainan sokan ini.

Menurut-nya demi untok kepentingan sokan sepak takraw ini pehak persatuan-nya berura-ura untok mendapatkan tempat khas untok latehan di-mana beliau menjelaskan bahawa PESTABARU telah memohonkan kapada kerajaan sa-bidang tanah bagi kegunaan latehan yang khusus untok sepak takraw kerana sudah sampai masa-nya persatuan itu mempunyai gelanggang-nya sendiri saperti apa yang terdapat di-Malaysia dan Singapura serta negara2 yang lain.

"Dalam hal ini kami berasa optimis yang pehak kerajaan akan mendapat



Pg. Metassan

menimbangkan dan meluluskan permohonan itu memandangkan yang persatuan ini pada masa ini benar2 memerlukan-nya demi untok kebaikan bersama," kata-nya.

PESTABARU juga kini sedang membuat persediaan2 yang rapi bagi menghadapi Sokan SEA yang ke-2 nanti. Dan ini-lah 'target' utama persa-

Lihat Muka 17

# Resepi: Roti daging berinti telor

**Bahan2-nya : —**

1½ pound daging lembu di-kisar
6 oz daging ayam di-chinchang
1 chawan Quaker Oats
1 chamcha besar lada puteh
1 chamcha besar serbok mustard
1 labu besar bawang besar
1 chawan susu chair
3 biji telor ayam
1 chamcha besar bawang besar
6 ulas bawang puteh
4 biji telor rebus
2 chamcha besar mentega
garam, lada hitam, serbok perasa.

**Chara membuat-nya : —**

Tumis bawang besar yang di-potong dadu, bawang puteh di-tumbok sa-hingga lembut. Chinchang daging ayam kasar2, rendam Quaker Oats di-dalam susu beberapa minit dahulu. Kemudian champorkan daging kisar serta kesemua bahan2 yang lain, kechuali telor rebus dan mentega chair gaul dengan tangan hingga rata. Tuangkan susu lagi jika champoran itu agak kering sedikit, biarkan adonan itu senang di-bentok dan rasa masin-nya, bahagi 2 adunan itu separoh masokkan dalam achuan empat persegi panjang, sapu dengan sedikit mentega tabor dengan sedikit Quaker Oats ator dengan telor rebus di-tengah2 berbaris tutop lagi dengan adunan yang lebeh tadi. Ratakan dan chuchok2 dengan garpu dan sapu mentega chair, tabor dengan Quaker Oats kemudian bakar sa-lama 1½ jam dengan api yang sederhana sa-hingga daging itu masak dan hidangkan.

**intisari RTB minggu ini**





## Siri Ke-27:

## UJI-LAH BAHASA KITA

KITA kini masok ka-ranchangan terakhir siri ke-27. Dalam siri kali ini kita akan mengikuti perlawanan di-antara sekolah2 menengah atas, di-antara SMM.SMJA. dengan PTE. Ranchangan ini ka-udara hari Jumaat 22hb Oktober jam 10.30 pagi.

**ROSEMARY De Camp berlakun sa-bagai Fairy Godmother. Dalam siri MEMOIRS OF A FAIRY GODMOTHER ini dia banyak cherita2 dongeng untok adek2. Ranchangan ini di-siarkan kira2 jam 3.55 petang pada tiap2 hari Ahad.**



**SATU siri baru FREEBIE AND THE BEAN bermu... pun kurang chekap tetapi sentiasa berani dan berjay...**

# Ranchangan TVP: dari 11hb. Okt hingga 17hb. Okt

### ISNIN — 11HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 713.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MAIN BOLA, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 713.

### SELASA — 12HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 714.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, PETI SURAT, PAPAN HIKMAT, BERSENAM, GAMBAR DAN SEBUTAN CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 714.

### RABU — 13HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 715.
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, GAMBAR DARI RUMAH, MAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 715.

### KHAMIS — 14HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 716.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, LIHAT DAN PERHATI, HALAMAN MENGAJAR, BELON SI-MANIS, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok CHERITA Che'gu Rokiah ia-lah KANCHIL DENGAN KAMBING.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 716.

### JUMAAT — 15HB OKT

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENAM, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 16HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 717.
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, HALAMAN MENGAJAR, SI-MANIS, KETUA KESELAMATAN, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 717.

### AHAD — 17HB OKT

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, PAPAN HIKMAT, HALAMAN MENGAJAR, BELON SI-MANIS, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok CHERITA Che'gu Rokiah hari ini ia-lah SI-KANCHIL.

# PAMERAN URUSAN RUMAH-TA

## ANJORAN W
## MUARA

GAMBA



YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam, sedang menyaksikan pameran masak2an kueh mueh.



GUBAHAN dari bahan2 kertas juga turut di-pamerkan. YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Datin Hajjah Rosnah dan Datin Edah, di-iringi oleh Datin Hajjah Masnah sedang menyaksikan pameran dari bahan tersebut.



PAMERAN Urusan Rumahtangga sa-umpama ini memang mendapat sambutan dari kaum wanita di-negara kita. Di-sini mereka berkumpul beramai2 bagi memeriahkan majlis yang berkebajikan itu.



PENGERUSI Pameran, Datin Hajjah Masnah sedang menerangkan
Mariam mengenai gubahan bunga okid.



YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menyampaikan hadiah kap
itu.

# IGGA
# .I.

EH: AK. ABU BAKAR
DAN
PG.YAAKOB





TURUT berangkat di-majlis itu ia-lah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah. Ia-nya juga di-hadhiri oleh YDM Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah dan Datin Edah.

...ada YTM Pengiran Isteri Hajjah



YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah ketika menyaksikan gubahan dari bahan reben dan pita.



...menang dari pemenang di-pameran



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah turut menyaksikan pameran bahagian masakan.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP2 HARI:

PAGI:

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |

TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) |
| 1.00 | Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |

PETANG

| | |
|---|---|
| 6.00 | Siri Mukkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. |

MALAM

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bachaan Al-Kor'an |
| 10.24 | Do'a Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita2 dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengahari | |
| 1.30 tengahari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban) |
| 9.30 malam | Berita Dunia dari BBC London. |

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## HARI RABU

### 6HB OKTOBER

**PAGI**: 7.00—Panduan Sokan, 7.15—Sudut Pelita, 8.30—Taman Mekar (SU), 9.00—Permintaan Pagi Rabu, 10.15—Rampaian Joget, 10.30—Rimba Raya, 10.45—Riang Ria, 11.00—Dendang A. Rahman Hassan, 11.30—Autograph Pendengar. **T/HARI**: 1.30—Hiboran Paduan Suara. **PETANG**: 2.00—Dunia Wanita (SU), 2.30—Chitra Irama, 3.15—Hiboran Petang, 3.30—Gazal (SU), 4.00—Tinjauan, 4.15—Irama Petang, 4.30—Bangsawan Di-udara (Indera Bangsawan—siri 1), 5.00—Serbanika Hiboran, 5.45—Senandong Senja, 6.15—Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00—Rangkaian Lama dan Baru, 7.30—Majallah Radio, 8.30—Permintaan Sukaramai, 9.00—Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45—Kenangan Mengusik Jiwa.

## HARI KHAMIS

### 7HB OKTOBER

**PAGI**: 8.30—Hiboran Untok Adek-Adek (SU), 9 .00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilehan Pendengar, 10.15—Penglipor Lara, 10.30—Rampaian London, 10.45—Aneka Lagu, 11.00—Permintaan Sukaramai. **T/HARI**: 1.30—Chitra Wara (SU). **PETANG**: 2.00—Puspasari, 2.30—Tetamu Radio (SU), 3.15—Hiboran Petang, 3.30—Rimba Raya (SU), 3.50—Instrumental Inggeris (Sentimental), 4.00—Sandiwara Radio (SU), 4.30—Soal Jawab Ugama, 5.02—Lagu2 Berirama Gambus, 5.45—Lagu2 Nasid, 6.15—Irama Dakwah, 6.18—Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00—Bachaan Surah Yassin, 7.15—Lagu2 Asli, 8.30—Bimbingan Al-Kor'an, 9.00—Tafsir Al-Kor'an, 9.45—Hidayat.

## HARI JUMAAT

### 8HB OKTOBER

**PAGI**: 8.30—Majallah Radio (SU), 9.00—Suara Gambus, 9.30—Tafsir Al-Koran, 10.15—Soalan Di-Udara, 10.30—Uji-lah Bahasa Kita, 11.00—Lagu2 Asli, Zapin dan Gazal, 11.30—Bimbingan Al-Koran (SU). **T/HARI**: 12.00—Lagu2 Dakwah, 12.15—Bachaan Al-Koran, 12.30—Siaran Langsong Menunaikan Sembahyang Jumaat, 1.15—Lagu2 Nashid. **PETANG**: 2.00—Lukisan Masharakat, 2.30—Bintang2 Awda, 3.15—Apa Pendapat Awda, 3.30—Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00—Surat dari London, 4.15—Hiboran, 4.30—Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15—Sayu dan Merdu, 6.15—Lagu2 Dakwah, 6.20—Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00—Cherpen dan Salokan, 7.30—Majallah Radio, 8.30—Bahas/Kuiz, 9.00—Soal Jawab Ugama (SU), 9.45—Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU

### 9HB OKTOBER

**PAGI**: 8.30—Pelajaran Dewasa Di-udara, (SU), 9.00—Riang Ria, 9.15—Soalan Di-Udara (SU), 9.30—Pilehan Pendengar, 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari, 11.30—Hiboran Untok Adek2. **T/HARI**: 1.30—Lagu2 Dari Filem, 1.45—Selingkar Madah. **PETANG**: 2.00—Permintaan Hujong Minggu, 3.15—Apa Pendapat Awda (SU)/Hiboran, 3.30—Cherpen dan Salokan (SU), 4.00—Mutiara Asli, 4.30—Fukas Radio, 5.00—Intisari Ranchangan, 5.15—Ranchangan Lama dan Baru, 6.15—Lagu2 Asli, 6.20—Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.30—Chitra Irama (SU), 9.00—Bangsawan Di-Udara (SU), 9.45—Uji-lah Bahasa Kita (SU).

## HARI AHAD

### 10HB OKTOBER

**PAGI**: 8.30—Majallah Radio, 9.00—Taman Mekar, 9.30—Suara Kugiran, 10.15—Titian Budaya, 10.30—Sandiwara Radio, 11.00—Mutiara Asli, 11.30—Dunia Wanita. **T/HARI**: 12.00—Tahniah dan Uchap Selamat, 12.32—Hiboran Untok Awda. 1.00—Permintaan Hari Minggu. **PETANG**: 2.00—Bahas/Kuiz Sekolah2, 2.30—Hiboran, 3.15—Panduan Sokan. 3.20—Irama Gembira, 3.30—Majallah Sokan, 4.00—Chitra Wara, 4.30—Tetamu Radio, 5.00—Hiboran, 5.45—Hiboran Senja, 6.15—Irama Dakwah, 6.18—Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00—Hiboran Ria, 8.30—Suara Parajurit, 9.00—Puspasari (SU), 9.45—Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama dan Baru).

## HARI ISNIN

### 11HB OKTOBER

**PAGI**: 8.30—Serbanika Hiboran, 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilehan Pendengar, 10.15—Berdendang Dengan-Ku, 10.30—Sains dan Perusahaan, 11.00—Permintaan Sukaramai. **T / HARI**: 1.30—Hiboran, **PETANG**: 2.00—Kenangan Mengusik Jiwa (SU), 2.30—Hiboran Petang, 3.15—Rampaian Joget, 3.30—Mari Berpantun (SU), 4.00—Dendang Remaja, 4.30—Ruangan Ketani, 5.00—Pilehan Juruhebah, 5.45—Lagu2 Rampaian, 6.15—Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00—Senandong Ria, 7.30—Majallah Radio, 8.30—Ku Tujukan Lagu, 9.45—Hiboran Rayuan Malam.

## HARI SELASA

### 12HB OKTOBER

**PAGI**: 8.30—Suara Parajurit (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Permintaan Kaum Wanita, 10.15—Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30—Rampaian London, 10.45—Lagu2 Hiboran, 11.00—Autograph Pendengar (SU). 11.30—Gazal. **T/HARI**: 1.30—Lukisan Masharakat (SU). **PETANG**: 2.00—Ku Sampaikan Salam, 3.15—Gema Silam, 3.30—Suara Kugiran (SU), 4.00—Bintang2 Awda (SU), 4.30—Belia Mewakili Zaman-nya, 5.00—Varia Peristiwa, 5.15—Sayu dan Merdu, 5.45—Senandong Senja, 6.15—Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00—Ruangan Ketani (SU), 8.30—Permintaan Sukaramai, 9.00—Fukas Radio (SU), 9.45—Selingkar Madah (SU), 10.00—Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

| | |
|---|---|
| 8.00 | Classical music |
| 8.45 | Classical music |
| 9.30 | Classical music |

#### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.45 | Setereo Pop Special "Jan Dury & The Blockheads" Side 2. |
| 9.30 | Country Club — 7 |

#### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 7.00 | BBC and Local News |
| 7.15 | Brunei's A.M. |
| 8.15 | Radio Newsreel |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays. |
| 12.00 | Lunch Break until 1.30 — except Fridays and Sundays |
| 8.30 | Radio Newsreel |
| 9.15 | News |

#### HOLIDAYS — Friday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Words: St George's vs St Andrew's (Lower) Final |

#### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time. |
| 8.45 | Animal, Vegetable or Mineral (repeat) |
| 9.30 | Top Of The Pops. |

#### Monday

| | |
|---|---|
| 8.00 | This Is My Song (repeat) |
| 11.30 | Children's Half Hour |
| 12.00 | Soundtrack of The Sixties |
| 12.45 | My Music |
| 1.15 | 15-Minute Theatre: Mother Figure by Alan Ayckbourn. |
| 8.00 | The World of Books |
| 8.45 | International Money Programme |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | An Evening with Rainbow — 5. |
| 8.45 | Up The Belait Without A Paddle — 67 with guest Belinda Hebblethwaite. |
| 9.30 | All That Jazz — 18. |

#### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Practical World |
| 11.15 | This Is My Song |
| 11.45 | London This Week |
| 12.00 | Animal, Vegetable or Mineral |
| 1.00 | Top of The Pops. |
| 1.30 | Close Down. |

#### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.30 | In Sentimental Mood—11 |

STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | 34th Edinburgh International Festival — Literary Event Anthony Burgess (Part 2). |
| 8.30 | English Examined |
| 8.45 | Science Pop |
| 9.30 | Drama: The Detective by Robert Barr "The Legacy." |



# Memoirs of a ..airy Godmother

13-Half Hour Series

Starring: Rosemary De Camp, Gregg Berger, Steven Benjamin, Johnathan Hole, Jerrebeth Fees

FOR CHILDREN OF ALL AGES



..depan menggantikan siri Simon and Simon. Siri ini ia-lah kesah tugas dua detektif yang walau ..ya. Mereka berpengkalan di-Bandaraya San Franscico.

# Sandiwara : TERSILAP LANGKAH di-Radio Minggu Ini

MELALUI rekaan pena Yahya A. T., Bangar Temburong, maka terukir-lah sa-lengkar kesah yang diberi jodol TERSILAP LANGKAH untok menjadi bahan pendengaran para peminat Sandiwara Radio Minggu Ini.

Perkara yang di-utarakan ia-lah tentang watak2 Murad dan Kassim yang tidak mengindahkan tanggong-jawab masing2 terhadap rumah-tangga, isteri dan anak2. Sebalek-nya, mereka sangat mengaong2kan kepintaran mereka dalam membuat penipuan terutama terhadap isteri masing2.

Murad yang sememang-nya bermain kayu tiga diluar rumah itu, sering keluar malam dengan memberi alasan ia menghadhiri mashuarat. Tapi sa-balek-nya, ia pergi menemui Aminah, sa-orang janda muda. Walau bagaimana pun, isteri-nya Kalsom sekali sekala menaroh shakwasangka juga akan kelakuan suami-nya.

Aminah yang bersifat lekas terpengaroh dan mudah perchaya, sekali lagi tertipu sa-telah di-kechewakan oleh suami-nya yang pertama. Sa-telah di-yakinkan, Aminah perchaya penoh yang Murad maseh bujang.

Kerana sikap suami-nya yang meragukan itu, Masnah isteri Kassim berpakat dengan Kalsom untok bersikap lebeh berhati2 demi untok menjaga rumahtangga mereka masing2.

Murad merasa semakin gelisah apabila isteri-nya sudah mengetahui tentang Aminah janda muda itu. Hanya yang pasti ia-lah Kalsom belum mengetahui tentang hubongan suami-nya dengan perempuan itu.

Mungkin-kah akhir-nya perbuatan Murad dan Kassim itu akan di-ketahui oleh isteri mereka? Apakah mereka ibarat tupai yang bijak melompat akhir-nya jatoh ka-tanah juga? Untok mengetahui kesudahan sandiwara ini, para pendengar ada-lah dipersilakan untok mengikuti siaran-nya pada 10hb Oktober, 1982 jam 10.30 pagi.

Ranchangan ini di-terbitkan oleh Dayang Helen Thu.

## Radio Minggu Ini :—

# GELOMBANG2 YANG TIDAK BIMBANG

"GELOMBANG2 radio tetap berolak dan beralun di-Amerika." Demikian kata Professor minggu lalu. "Sukar untok anda memperchayai jawapan saya ini. Sepatut-nya anda sendiri yang datang ka-Amerika untok mendengar beratus2 buah station radio yang siaran-nya tetap berkumandang di-angkasa USA dan peti-peti atau kotak2 radio yang paling banyak bukan terletak dibilek2 tamu rumah orang Amerika tetapi dalam setiap mobil yang merangkak2 dan menderu dijeraya.

Kalau anda mengatakan di-Amerika ada 30 juta buah kereta maka bilangan peti2 atau kotak2 radio di-Amerika berjumlah 30 juta di-tambah dengan beberapa juta lagi bilangan radio2 bimbit di-pantai2, di-dapor2 dan di-dalam beg2 tangan. Radio merupakan alat panduan hidup mereka sehari2. Ramalan hujan atau ribut malar disiarkan. Kemana untok berlibur, ikuti ruangan harian-nya, dan macham2 lagi.

Professor janggut itu menerangkan sa-benar-nya pita2 rakaman dan alat video gagal untok menchekek leher radio kerana kebolehan dan kematangan radio memberikan khidmat kilat atau 'multi-purpose' dengan lain perkataan khidmat serba guna yang chuma memerlukan bajet yang paling rendah. Dan pada radio itu ada nilai2 ekonomi yang menguntungkan andai-nya kita mahu memperhitongkan wang ringgit di-zaman inflasi ini.

Terfikir-kah oleh anda, sekira-nya lebuh raya disiring bangunan United Nation itu padat dengan lalu lintas sejak 10 minit tadi, lantas kedengaran radio dalam kereta anda menyiarkan sa-buah panduan lalu lintas; "Saudara2 yang sedang memandu di-kota raya, harap jangan berbelok ka-Jalan U.N. kerana di-sana sekarang ini jalan terbantut oleh satu kechelakaan jeraya. Belok kajalan barat, teruskan perjalanan anda ka-mana saja di-Amerika."

Sa-orang suami sedang memandu kereta otomatik di-lebuh raya New York dan sedang enak2 menikmati Lagu2 Permintaan, tiba2 si-Juruhebah menyatakan; "... permintaan terakhir kami terima dari Janet untok di-tujukan kapada suami-nya John yang sekarang kira2 sedang berada di-jeraya dalam perjalanan pulang, dengan sabuah pesan; aku agak terlambat pulang, sayang. Kerana aku terus ka-saloon biasa mengusai rambut. Bukan-kah abang yang suruh."

Itu-lah di-atas tadi dua buah chontoh bagaimana erat-nya hubongan pendengar dengan radio. Saoleh2 radio membikin mereka sudah tidak dapat lagi berpisah dengan-nya. Dan orang2 Amerika akan merasa kehilangan sesuatu apabila berlaku 'breakdown' pada siaran radio mereka, bagaimana hal-nya kalau radio mati terus? Kerana itu jawapan-nya, di-Amerika radio tidak mungkin mati kerana radio ada-lah sebahagian dari masharakat atau sebahagian dari keperluan bangsa Amerika.

Di-suatu station radio yang lain, ia memberikan khidmat berita 24 jam sehari. Berita panas, hangat yang tidak pernah basi. Mereka tidak kenal dengan berita 'second class' yang tersiar semua yang 'fresh' menjadikan pula orang Amerika serba ingin tahu mengenai dunia Amerika yang melibatkan hidup mati, miskin kaya orang2 Amerika itu.

Khabar-nya, ada juga station2 radio yang chuma menyiarkan panduan2 shopping, jualan2 murah, jualan di-musim krismas, jualan2 tahun baru. Dan ramai para pendengar mengikuti siaran ini, untok memburu barang2 yang memang jauh lebeh murah dari harga biasa.

Ada juga station radio yang chuma menyiarkan lagu2 pop siang malam tanpa henti2-nya. Ini ia-lah untok mengiklankan rekod2 baru untok jutaan anak2 muda. Dan ada pula station2 radio yang melayan segala pertanyaan pendengar, masaalah pemerintah, masaalah pelajaran, masaalah ekonomi, masaalah sosial, ugama dan lain2.

Dengan ada-nya segala macham khidmat dan dengan segala macham keperluan, orang semakin bertambah ramai kembali atau rujok kapada radio di-Amerika. Alat2 video sa-hingga ini chuma dapat menchekek tenaga2 siaran yang lain tetapi tidak radio.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER FOR THE SUPPLY OF PRINTING PAPERS/BOARDS TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1983

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, on 8th November, 1982 for the supply of printing Papers/Boards to the Government Printing Department, Brunei. Quantities and specifications of Types/Sizes/Substances are as follows:-

| ITEM | PARTICULARS | SUBSTANCE | SIZE | QUANTITY |
|---|---|---|---|---|
| **PAPERS** | | | | |
| 1. | Japanese/Brazillian Woodfree printing paper Glazed | 60 Gsm | 31×43" | 2500 reams |
| 2. | Japanese/Brazillian Woodfree printing paper Glazed | 80 Gsm | 31×43" | 2000 reams |
| 3. | Japanese/Brazillian Woodfree printing paper Glazed | 100 Gsm | 31×43" | 250 reams |
| 4. | Japanese/Brazillian Woodfree printing paper Glazed | 120 Gsm | 31×43" | 250 reams |
| 5. | Watermarked Bond paper White (Acceptable Brands: Independence/Radio/Burnie/Croxley/Orbit) | 60 Gsm | 27×34" | 2000 reams |
| 6. | Watermarked Bond Paper Tinted (Acceptable Brands: Independence/Radio/Burnie/Croxley/Orbit | 60Gsm | 27×34" | 1500 reams |
| | **TINTS REQUIRED** | | | |
| | Cerise (Pink) 700 reams | | | |
| | Blue 600 reams | | | |
| | Green 100 reams | | | |
| | Yellow 100 reams | | | |
| 7. | Japanese/UK/Australian Ledger paper | 128 Gsm | 31×43" | 200 reams |
| 8. | Japanese Art paper/Plain/White | 105 Gsm | 31×43" | 400 reams |
| 9. | Japanese Art paper/Plain/White | 128 Gsm | 31×43" | 300 reams |
| 10. | Japanese Art paper/Plain/white | 157 Gsm | 31×43" | 150 reams |
| **SPECIAL PAPER:** | | | | |
| 11. | SWEDISH MATT ART PAPER/Plain/White | 137 Gsm | 31×43" | 150 reams |
| 12. | Croxley White Offset | 100 Gsm | SRAI | 250 reams |
| 13. | Bedford Antique Wove | 100 Gsm | SRAI | 150 reams |
| **DUPLICATING PAPER:** | | | | |
| 14. | Japanese/Korean/Australian/Brazillian Woodfree Duplicating Papers/White & Tinted | 65/70 Gsm | 27×34" or 26¼×33¼" | 4300 reams |
| | **TINTS REQUIRED:** | | | |
| | White 2400 reams | | | |
| | Cerise (Pink) 700 reams | | | |
| | Blue 600 reams | | | |
| | Green 400 reams | | | |
| | Yellow 200 reams | | | |
| **NEWSPRINTS:** | | | | |
| 15. | Finland/Norway/Sweden/Canadian Mechanical Newsprint glazed | 65 Gsm | 24×36" | 4000 reams |
| **BOARDS:** | | | | |
| 16. | Japanese/UK BSC ArtBoard/White | 260 Gsm | 31×43" | 1200 Packets |
| 17. | Japanese/UK BSC ArtBoard/White | 195 Gsm | 31×43" | 600 Packets |
| 18. | Japanese/UK/Korean Tinted Boards | 330 Gsm | 22×30" | 2000 Packets |
| | **TINTS REQUIRED:** | | | |
| | Grey 600 Packets | | | |
| | Cerise (Pink) 200 Packets | | | |
| | Blue 400 Packets | | | |
| | Buff 500 Packets | | | |
| | Green 200 Packets | | | |
| | Yellow 100 Packets | | | |
| 19. | Japanese/UK/Korean Tinted Boards | 195 Gsm | 22×30" | 800 Packets |
| | **TINTS REQUIRED:** | | | |
| | Cerise (Pink) 250 Packets | | | |
| | Blue 200 Packets | | | |
| | Green 150 Packets | | | |
| | Yellow 100 Packets | | | |
| | Buff 100 Packets | | | |
| 20. | Japanese/Australian Strawboards | 32 Ozs | 26×31" | 8 tonnes |
| 21. | Japanese/Australian Strawboards | 24 Ozs | 26×31" | 10 tonnes |
| 22. | Japanese Grey Chipboards | 260 Gsm | 31×43" | 400 Packets |

2. Tenders recevied after the stipulated date will not be entertained.

3. All Tenders MUST be accompanied by SAMPLES with specific manufacturer's/mills names and PRICES must include delivery to the Government Printing Department's Stores at the Old Airport site, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tenders submitted without SAMPLES will not be entertained.

4. Tenders must be placed in a sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.

5. Tenders must be addressed to the Chairman, Tenders Board, Brunei and clearly marked:

**GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT, BRUNEI**
**SUPPLY OF PRINTING PAPERS, 1983.**

6. TENDER FORMS and SPECIFICATIONS can be obtained from the Government Printing Department, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal office hours or on request in writing.

7. TENDER DEPOSIT of B$3,000.00 in the form of cheque in favour of the Brunei Government must be deposited at the Treasury Office of Brunei and duplicate copy of receipt must be attached to all the tenders submitted. The deposits are only refundable to all unsucessful tenderers upon receipt of a bonafide tender. Tender Deposits held against successful tenderers are only refundable on the completion of the supply of the tender awards.

8. Successful tenderers will be awarded with contract for the supply of printing papers/boards and they must agree to supply the printing papers/boards to the Government Printing Department throughout the year at the tendered price/s.

9. Successful tenderers awarded with the contract to supply the papers/boards must agree to make delivery within the delivery schedule:—

a) 50% to be delivered within 60 days after receving the tender award.
b) 50% to be delivered within 30 days thereafter.

In the case of the supply of Mechanical Newsprint for the Pelita Brunei the delivery schedule is as follows:—

a) 2,000 reams in the first 60 days on receipt of the tender award.
b) 2,000 reams in the next 30 days thereafter.

10. The government reserve the right to reject or impose a penalty of B$20.00 per day for late delivery or to cancel the contract awarded without notice, whichever the Government considers most appropriate.

11. Tenderers awarded will be required to sign a contract with the Government Printer and must agree to abide by the terms of the contract and any other relevant Government regulations now in force.

12. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER FOR THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1983

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Boards, Brunei at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, on Monday 8th November, 1982 for the supply of ENVELOPES to the Government Printing Department, Brunei for the year 1983. Quantities and specifications of sizes/substance of paper to be used and style are as follows:-

| ITEM | PARTICULAR OF SIZE/SUBSTANCE OF PAPER AND STYLE | QUANTITIES (maximum) |
|---|---|---|
| 1. | Manilla Envelopes/C6 114×162mm/75-80 Gsm/Wallet-Cut with the line "URUSAN KERAJAAN DULI YANG MAHA MULIA" printed on the top of the Envelope and to be boxed. | 600,000 pcs |
| 2. | Manilla Envelopes/DL-110×220mm/75-80 Gsm/Wallet-Cut and printed as in (1) | 1,000,000 pcs |
| 3. | Manilla Envelopes/C5-162×229mm/100 Gsm/Wallet-Cut or Open-End with side Seam and printed as in (1) | 400,000 pcs |
| 4. | Manilla Envelopes/10×12"/120 Gsm/Open-End with side Seam and printed as in (1) | 75,000 pcs |
| 5. | Manilla Envelopes/12×16"/120 Gsm/Open-End with side Seam and printed as in (1) | 100,000 pcs |
| 6. | Manilla Envelopes/15×18"/120 Gsm/Open-End with side Seam and printed as in (1) | 75,000 pcs |
| 7. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes/DL-110×220mm/150 Gsm/Wallet-Cut without printing | 150,000 pcs |
| 8. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes/6×9"/150 Gsm/Open-End with side Seam without printing | 20,000 pcs |
| 9. | Cartridge Envelopes 100 Gsm/Open side with star cut style/5.5×7.5"/Plain | 20,000 pcs |
| 10. | Cartridge Envelopes 120 Gsm/White/Open-End with side Seam/ 8½×11½"/Plain | 20,000 pcs |
| 11. | Cartridge envelopes 120 Gsm/White/Open-End with side Seam/ 10½×13½"/Plain | 50,000 pcs |
| 12. | Cream Wove Envelopes/80 Gsm Open side with the star cut style/Plain/DL (110×220mm) | 50,000 pcs |
| 13. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes/10×12"/150 Gsm Open-End with side Seam without printing | 30,000 pcs |
| 14. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes/12×16"/150 Gsm Open-End with side Seam without printing | 50,000 pcs |
| 15. | Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes/15×18"/150 Gsm Open-End with side Seam without printing | 30,000 pcs |
| 16. | Conqueror High White Laid Envelopes/DL-110×220mm/120 Gsm/Wallet-Cut without printing | 30,000 pcs |
| 17. | Conqueror High White Laid Envelopes/120×234mm/120 Gsm/Wallet-Cut without printing | 30,000 pcs |
| 18. | Manilla Envelopes/165×102mm/75-80 Gsm/Open-End with side Seam without printing with quick-seal or seal-Easi adhesive | 600,000 pcs |
| 19. | Croxley or Conqueror White Wove Air Mail Envelopes/DL-110×220mm/Wallet-Cut and printed as in (1) | 100,000 pcs |
| 20. | Manilla Window Envelopes/DL-110×220mm/100 Gsm/Wallet-Cut and printed as in (1) | 400,000 pcs |
| 21. | Pocket File/Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes/150 Gsm/9¼"×12"×1 | 20,000 pcs |

**SPECIAL SPECIFICATIONS:**

a) ALL WALLET-CUT ENVELOPES must have at least a 2" flap to facilitate printing on flaps of Govenment Crest/name and addresses.

b) Alternative paper for Manilla Envelopes are Glazed Kraft paper/tan Kraft paper, however specified substance must be maintained.

c) TYPEFACE to be used for the printing of the line "URUSAN KERAJAAN DULI YANG MAHA MULIA" is **BODONI BOLD** or **GOUDY OLD STYLE** and the sizes to be used for the various size of envelopes with printing requirements are as follows:—

C6-114×162mm - 12 point Type
DL-110×220mm and
C5-229×162mm - 14 point Type
10×12" - 24 point Types
12×16" and 15×18" - 48 point Type

The LINE must be boxed with a 2 point line thickness.

d) All successful tenderers must submit samples of printed Envelopes prior to delivery.

2. Tenders recevied after the stipulated date will not be entertained.

3. All Tenders must be accompanied with SAMPLES either or finished envelopes or paper to show substance and quality together with samples to illustrate the style required. Price must include delivery to the Government Printing Department's Stores at Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tenders submitted without either will not be entertained.

4. Tender MUST be placed in a sealed envelope and there must be no indication on the cover of the tenderer.

5. Tender must be addressed to the Chairman, Tenders Board, Brunei and clearly marked:

**GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT, BRUNEI**
**SUPPLY OF ENVELOPES - 1983**

